

Dasar negara terhadap senjata nuklear kekal

BH 20 FEB 2000

ALOR STAR: Kehadiran kapal perang Amerika Syarikat, USS John Stennis yang lengkap dengan senjata nuklear di pelabuhan negara ini tidak menjejaskan dasar Malaysia terhadap senjata nuklear.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kehadiran kapal pembawa pesawat di Pelabuhan Klang itu bukan bermakna pendirian negara tidak membenarkan kehadiran senjata nuklear sudah berubah.

"Dasar kita masih kekal...kapal itu berada di sini tetapi bukan untuk operasi (nuklear)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan ulang tahun Rela ke-28 peringkat kebangsaan, di sini semalam.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya mengenai kehadiran kapal bernilai kira-kira RM13.3 bilion di West Port, di Pelabuhan Klang, Isnin lalu.

Kapal yang mengangkut 6,200 anggota itu menggunakan dua reaktor nuklear.

Persoalan timbul bagaimana kapal itu dibenarkan berlabuh kerana Malaysia adalah salah satu anggota yang menandatangani dasar Zon Untuk Keamanan Kebebasan dan Berkecuali (Zopfan) dan Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).

Mengikut dasar itu, tiada senjata nuklear dibenarkan berada di wilayah

berkenaan yang merangkumi negara Asean.

Abdullah juga berkata kerajaan tetap dengan dasar wilayah berkenaan perlu bebas daripada nuklear.

"Tetapi kita tidak menghalang perjalanan (pelayaran) mereka. Kita tidak mahu ada pelanggaran atau kecemasan ketika melalui laluan (perairan) kita," katanya.

Mengenai bagaimana kapal itu dibenarkan berlabuh di pelabuhan berkenaan, beliau berkata, Kementerian Pertahanan pasti ada mengeluarkan kebenaran.

"Tidak ada kapal nuklear boleh melalui atau berlabuh tanpa pengetahuan pihak berkuasa yang berkaitan.

"Mereka mesti ada kebenaran dan ada alasannya (berbuat demikian)... adalah lebih baik anda tanya kementerian (Pertahanan)," katanya.

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kapal itu sebenarnya dalam rangka lawatan keliling dunia dan mengambil keputusan untuk singgah di sini kerana lebih 6,000 anak kapalnya akan bercuti di negara ini.

"Lebih 6,000 orang itu akan pasti membelanjakan wang yang banyak di negara kita dan pasti membawa sumbangan besar kepada ekonomi kita. Mereka datang bukan untuk (tujuan) perang, tetapi percutian," katanya ketika

dihubungi malam tadi.

Mengenai kemungkinan kapal itu membawa senjata nuklear, beliau bagaimanapun berkata pihaknya tidak pasti mengenai perkara itu.

Ditanya sama ada pihak kapal terbahit ada meminta kebenaran untuk berlabuh di West Port itu, Dr Ling berkata: "Saya berpendapat kebenaran sudah diberi kepada mereka. Ini adalah soal diplomatik dan kerajaan membenarkan mereka datang ke sini kerana kedatangan mereka bukan untuk berperang."

Pagi semalam, Dr Ling melawat kapal itu bersama Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan Donald Lim.

Sementara itu usaha media tempatan untuk mendekati kapal itu gagal dengan pihak keselamatan pelabuhan memaklumkan yang sebarang lawatan ke kapal itu mesti mendapat kebenaran kedutaan Amerika di sini.

Anak kapal itu dikatakan sudah membelanjakan AS\$20 juta (RM76 juta) ketika di Hong Kong selama empat hari sebelum ini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata, kapal terbahit berhak untuk melalui sepanjang Selat Melaka.

Katanya, jika ia berhasrat singgah di pelabuhan, mereka harus membuat perediaan awal dengan pihak berkuasa berkaitan di sini.